



SIARAN AKHBAR

Menteri-menteri mengendorskan enam dokumen untuk diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN.

Jerudong (September 26, 2013) – Pada pagi ini para Menteri ASEAN yang bertanggungjawab menyelaraskan kerjasama sosio-budaya di rantau ini telah mengesahkan enam dokumen yang perlu dikemukakan kepada para pemimpin untuk diterima pakai pada Sidang Kemuncak bulan depan.

Dokumen-dokumen tersebut terdiri daripada lima deklarasi dan Laporan Kajian Separuh Penggal Rangka Tindakan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) yang diguna pakai oleh para pemimpin ASEAN sejak tahun 2009. Laporan ini telah disiapkan lebih awal dari mesyuarat pegawai-pegawai kanan ASEAN (SOCA), pada Selasa lepas.

Mesyuarat Kesepuluh Majlis ASCC, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, juga mengesahkan perisytiharan mengenai keusahawanan belia dan pekerjaan, menghapuskan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, dan mengukuhkan perlindungan sosial.

Di samping itu, Menteri-menteri ASEAN juga mengesahkan deklarasi mengenai penyakit tidak berjangkit dan meningkatkan kerjasama dalam pengurusan bencana, yang juga akan dikemukakan kepada Sidang Kemuncak ASEAN ke- 23 pada 9 Oktober.

"Para Menteri ASEAN mengakui bahawa matlamat utama ASCC ini adalah untuk menyumbang ke arah merealisasikan Komuniti ASEAN yang dipusatkan kepada masyarakat dan tanggungjawab sosial," dalam satu kenyataan bersama para Menteri pada mesyuarat tadi pagi.

Sumbangan tersebut adalah "dengan tujuan untuk mencapai perpaduan yang berkekalan dan perpaduan dikalangan bangsa-bangsa dan rakyat ASEAN dengan menjalin satu identiti bersama dan membina sebuah masyarakat penyayang dan perkongsian yang bersifat inklusif dan harmoni di mana kesejahteraan, kehidupan dan kebajikan masyarakat dipertingkatkan. "

Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC), yang menyelaras tunggak ketiga Kesatuan Negara-negara Asia Tenggara, berjalan dua minggu sebelum sidang kemuncak itu. Tunggak keselamatan politik dan ekonomi ASEAN diselaraskan oleh dua majlis yang lain.

Maklumat Lanjut:

Abdul Khalid Mohammad Noor
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat 1
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Tel: (673) 238-1391 or 238-2903 (Ext 1135)
Mobile: (673) 825-8692

Email: khalid.mdnoor@kkbs.gov.bn,
khalisa1230@gmail.com